


PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

MAZENAH BT. FIEI

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
SESI 1981 / 82



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

oleh

MAZENAH BT. PIEI

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi 1981/82.

PENYELIA A

2/11/82
TARIKH

KETUA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

2 HB MAC 1982

TARIKH

PERANAN KETUA ADAT DALAM MASYARAKAT
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Oleh

MAZENAH BT. PIEI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1981/82

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan satu latihan ilmiah untuk dikemukakan kepada Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Sarjana-muda Sastera dengan Kepujian. Saya menyatakan rasa kesyukuran keatas hadrat Allah S.W.T, kerana dengan hidayah dan keredhaanNya jua, Latihan Ilmiah ini dapat diselesaikan.

Semasa menyelesaikan kajian ini, saya bernasib baik mendapat Dr. Ismail Bin Hamid yang sudi menjadi penyelia, di mana segala panduan, tunjuk ajar serta kritiknya adalah diberi setinggi penghargaan.

Rasa terima kasih dan penghargaan juga saya rakamkan untuk individu yang sudi menjadi informan yang telah banyak memberi maklumat tentang kajian ini. Mereka ialah Encik Mohd. Nor Bin Pilus, Encik Ahmad Bin Taib, Encik Abdul Rauf Bin Mahm, Encik Abdul Ghani Bin Shamarudin, Encik Osman Bin Baginda dan Encik Mohd. Nor Bin Abdul Hamid, Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Saya juga merakamkan rasa penghargaan yang sama terhadap kaki tangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut menyumbangkan bantuan, terutama Puan Norbiha Binti Ibrahim dan kaki tangan Perpustakaan Tun Sri Lanang.

Akhir sekali tidak saya lupakan kepada keluarga saya dan juga Mohd. Zan Bin Mohd. Zin yang banyak memberi bantuan. Begitu juga kepada pihak-pihak lain yang memberikan pertolongan dan dorongan dalam menyelenggarakan kajian ini.

Sebarang kekurangan dan kesilapan walau bagaimanapun adalah tanggung jawab saya sendiri.

Mazenah Bt. Piei,

Jabatan Persuratan Melayu,

UKM, Bangi.

KANDUNGAN

	<u>HALAMAN</u>
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii
 BAB I : <u>PENGANTARAN</u>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif dan Skop Kajian	4
1.3 Metod Kajian	6
1.4 Latar Belakang Tempat Kajian	7
1.4.1 Daerah Kajian	7
1.4.2 Kawasan Kajian	10
1.4.3 Latar Belakang Masyarakat	10
1.4.4 Sistem Politik Tradisional	14
1.5 Konsep Peranan Dan Kedudukan	18
1.6 Masalah Kajian	23
 BAB II : PERANAN KETUA ADAT DALAM ISTIADAT PERKAHWINAN	
2.1 Pemilihan Jodoh	27
2.1.1 Corek Penjodohan Dan Sistem ...	
Perkahwinan	27
2.1.2 Larangan Perkahwinan	30
2.2 Pertunangan	41
2.2.1 Meminang	42
2.2.2 Mengembang Cincin	44

HALAMAN

2.3 Perkahwinan	45
2.3.1 Berkampung	46
2.3.2 Kenduri Kahwin	48
2.3.3 Istiadat Menyembah	52
2.3.4 Nikah Kahwin Aturan Tidak Lazim	52
 BAB III : PERANAN KETUA ADAT DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA	
3.1 Jenis-jenis Harta dan Sistem	45
Pengwarisannya	57
3.2 Penjualan Harta Pusaka	66
3.3 Berkediri	70
 BAB IV : PERANAN KETUA ADAT DALAM PERLANTIKAN KETUA ADAT	
4.1 Perlantikan Buapak	77
4.2 Perlantikan Lembaga	78
4.3 Perlantikan Penghulu dan Undang	83
4.4 Perlantikan Yang DiPertuan Besar	97
 BAB V : KESIMPULAN	
5.1 Peranan Ketua Adat	107
5.2 Corak Politik Adat Perpatih	110
5.3 Penilaian Dari Segi Pandangan Islam Terhadap Beberapa Hal Yang Dipraktikkan Dalam Masyarakat Di sini	113

HALAMAN

5.4 Penutup	118
-------------------	-----

LAMPIRAN:

1) Senarai Nama Informan	120
11) Lapuran Perkahwinan Searis Suku ...	
Sri Lemak Minangkabau	122

SENARAI RUJUKAN:	126
------------------------	-----

RAB II

BAB II

PERANAN KETUA ADAT DALAM ISTIADAT PERKAHIAN

Dalam bab pertama telah dibicarakan bahwa yang dimaksudkan ketua adat dalam masyarakat Adat Perpatih ialah terdiri daripada Buapak, Lembaga, Penghulu Luak atau Undang dan yang tertinggi sekali ialah Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam berbagai aspek sosial dan ekonomi secara keseluruhannya golongan ketua adat ini mempunyai peranan dalam menjaga kesejahteraan hidup anak buahnya atau orang yang dibawah pimpinannya.

Peranan ketua adat ini tertakluk kepada peringkat yang dipimpinnya. Kalau Buapak, beliau memimpin perutnya; kalau Lembaga, memimpin sukunya; kalau Undang atau Penghulu Luak, memimpin luaknya dan kalau Yang DiPertuan Besar memimpin negerinya. Dalam Adat Perpatih, nilai hidup bermasyarakat ialah nilai hidup bermuafakat. Berbagai undang-undang atau hukum adat terdapat dalam peraturan hidup bermasyarakat ini. Tetapi hukum adat itu biasanya tidak ada tercatat dalam mana-mana perlembagaan. Apa yang menjadi panduan ketua adat dalam menjalankan tugasnya ialah melalui maksud kata-kata yang tersimpul dalam kata perbilangan adat. Tegasnya, berdasarkan kata perbilangan adat itulah seseorang ketua adat menjalankan tindakan yang harus dilakukannya jika berlaku sesuatu masalah atau kekusutan dan juga dalam sesuatu hal yang perlu kepada nasihat ketua adat.

Dalam masyarakat Adat Perpatih terdapat hubungan yang istimewa antara anak buah dengan Buapak. Ini kerana seorang Buapak itulah yang paling hampir hubungannya dengan anak buahnya, jika dibandingkan dengan golongan ketua adat yang lain. Buapak bertanggung jawab kepada perutnya. Jadi segala hal ehwal anak buah itu terlebih dahulu diketahui oleh Buapak, sama ada tentang hartanya, nisab keturunan keluarganya, jurai-jurai keturunan dalam perutnya dan masalah yang lain yang mungkin muncul dalam kehidupan mereka.

Perkahwinan adalah institusi yang penting bagi setiap insan di dunia ini. Oleh itu dalam masyarakat Adat Perpatih istiadat perkahwinan adalah merupakan persoalan umum di kalangan anggotanya. Jadi dengan adanya hubungan yang rapat antara anak buah dengan Buapak tadi maka dalam istiadat perkahwinan ini peranan Buapak lebih ketara. Sementara golongan ketua adat yang lain adalah tempat merujuk bagi Buapak jika terdapat masalah yang rumit dan tidak dapat diselesaikan oleh Buapak.

Di kalangan masyarakat Melayu amnya perkahwinan disambut dengan berbagai adat istiadat. Perkahwinan adalah dilihat dari dua segi iaitu dari segi ugama dan adat istiadat. Tuntutan ugama dalam perkahwinan yang utama sekali ialah upacara nikah dan kemudian disertai dengan upacara-upacara lain yang dianggap penting dari segi adat dan tradisi, misalnya meminang, mengembang cicin, menghantar belanja, berinai, bersanding dan lain-lain. Pada tahap-tahap upacara inilah nanti akan dapat dilihat peranan Buapak dalam hal perkahwinan ini.

2.1. Pemilihan Jodoh.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, bagi anak-anak yang sudah meningkat dewasa, sering disebutkan perbilangan ini;

Untung anak lelaki cari-carikan,
Untung anak perempuan dinanti-nantikan,

Biasanya bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang sudah dewasa dan dianggap sudah patut berumah tangga, maka mereka mula memikirkan untuk mencari jodoh anak itu, jika tidak ada tanda-tanda yang anaknya itu mencari jodoh sendiri. Langkah awal dalam usaha ini ialah dengan cara merisik. Biasanya langkah ini adalah dari inisiatif pihak lelaki. Dalam menjalankan risik itu duai (matchmakers) adalah berpegang kepada corak penjodohan yang biasa terdapat disamping batasan perkahwinan yang lain yang akan dibicarakan nanti.

2.1.a. Corak Penjodohan dan Sistem Perkahwinan.

Corak penjodohan dalam masyarakat Adat Perpatih agak berlainan sedikit dari masyarakat yang mengamalkan Adat Temenggung. Tetapi kelainan itu tidaklah terlalu menonjol. Perbezaan disebabkan masyarakat Adat Perpatih mengamalkan sistem hidup bersuku dan mengira keturunan dari nisab ibu. Lantaran itu corak penjodohan yang biasa dikehendaki dalam Adat adalah seiring dengan konsep hidup yang demikian.

Corak penjodohan dalam masyarakat Adat Perpatih bersifat matrilineal di mana keturunan seseorang itu disusun mengikut nisab ibu

dan suku ibu. Jurai keturunan adalah berbentuk unilateral. Selubungan dengan itu maka perkahwinan yang diingini ialah 'cross-cousin marriage'. Maksudnya di sini menurut Abdullah Siddik adalah; perkahwinan antara orang-orang yang saudara sepupu atau orang-orang yang senenek atau sedatuk. Atau dengan perkataan lain: seorang lelaki dan seorang perempuan yang senenek atau sedatuk, manakala bapa pihak yang satu lagi adalah saudara bagi ibu pihak yang lain.¹ Iaitu ringkasnya dapat dijelaskan bahawa ibu si suami adalah saudara bagi ayah si isteri ataupun ayah si suami adalah saudara bagi ibu si isteri. Persaudaraan antara ibu dan ayah itu mungkin kerana seibu atau kerana sebapa atau kerana saudara kandung.

Selain dari perkahwinan 'cross-cousin' yang disebutkan ini, corak perkahwinan 'parallel-cousins' juga dibenarkan. Tetapi adalah dalam bentuk perkahwinan antara anak saudara lelaki sepupu yang berasal dari nenek perempuan yang sama.² Ini bermakna perkahwinan ini tidak lagi dalam satu suku kerana lelaki yang bersepupu itu berkahwin dengan perempuan lain. Begitu juga parallel-cousins dalam bentuk di mana lelaki dan perempuan sepupu kerana ayah mereka masing-masing bersaudara sebapa atau seibu atau bersaudara kandung.³

¹ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975, hal. 132.

² Lihat juga dalam keterangan tentang 'parallel-cousins' oleh Abdullah Siddik, Ibid, hal. 132.

³ Ibid., hal. 132.

Berbeza pula dengan perkahwinan 'parallel-cousins' dalam bentuk iaitu perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang sedarik atau senenek, sepupu kerana ibu masing-masing itu bersaudara sebaapa atau bersaudara seibu atau bersaudara kandung. Perkahwinan corak begini tidak dibenarkan dalam Adat Perpatih kerana keduanya adalah dalam suku yang sama.⁴ Jika tidak dalam suku yang sama, perkahwinan sekampung juga digalakkan. Kerana perkahwinan seperti ini memudahkan bagi sanak saudara untuk melihat-lihat atau menjenguk sanak saudara yang berada di kampung itu juga.

Jadi dalam masyarakat yang unilateral-matrilineal, maka corak penjadohan yang demikian melahirkan sistem perkahwinan yang bersifat eksogami dan matriloal iaitu perkahwinan semenda menyemenda; si suami wajib tinggal di tempat isterinya atau setidak-tidaknya di tempat keluarga isterinya. Si suami digelar 'orang semenda' dalam suku isterinya manakala orang lelaki dan perempuan dalam suku isterinya digelar 'orang tempat semenda'. Dalam kata adat sering disebut 'orang semenda seresan', dan 'orang tempat semenda seadat'. Ini diertikan sebagai rujukan kepada orang-orang dalam suku si isteri adalah orang seadat dan kepada orang semenda yang lain dalam suku itu adalah orang seresan. Pembahagian ini juga mustahak dalam menentukan hak dan tanggungjawab kedua golongan ini dalam suku secara keseluruhan.⁵

⁴ Ibid, hal. 132.

⁵ Keterangan lanjut sila lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976, hal., 50.

Sehubungan dengan corak penjadohan ini dalam memilih jodoh, beberapa batasan atau larangan perkahwinan dalam Adat Perpatih perlu juga disebutkan. Peranan Buapak tidak ujud jika tidak ada pelanggaran terhadap batasan perkahwinan dari segi hukum Adat, dalam soal memilih jodoh. Maksudnya, Buapak hanya akan berperanan apabila ada di kalangan anak buahnya tidak mematuhi peraturan Adat. Ini adalah kerana persoalan memilih jodoh adalah urusan ibu bapa dan saudara kedin,, iaitu adik beradik ibu.

2.1.b. Larangan Perkahwinan.

Terdapat beberapa larangan perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Larangan ini terdiri daripada dua hukum;

- 1) Hukum syarak.
- 2) Hukum Adat.

Kedua-dua ini sama diambil kira dalam pemilihan jodoh. Ini adalah kerana, bagi masyarakat Adat Perpatih adat dan syarak itu isi mengisi dan kuat menguat satu sama lain.

1) Hukum syarak.

Terdapat tiga jenis larangan perkahwinan mengikut syarak yang digolongkan sebagai larangan untuk selama-lamanya.

- 1) Larangan disebabkan keturunan; ada tujuh golongan:
 - a) Ibu dan nenek (dari sebelah ibu dan bapa) dan

seterusnya sampai ke atas.

- b) Anak dan cucu seterusnya ke bawah.
- c) Saudara perempuan seibu-sebapa, atau sebapa atau seibu sahaja.
- d) Anak saudara dari sebelah bapa.
- e) Anak saudara dari sebelah ibu.
- f) Anak Perempuan dari saudara lelaki dan seterusnya.
- g) Anak Perempuan dari saudara perempuan dan seterusnya.⁶

2) Larangan disebabkan susuan; ada dua golongan:

- a) Ibu dan bapa tempat menyusu.
- b) Saudara perempuan yang sepersusuan.⁷

3) Larangan disebabkan perkahwinan:

- a) Ibu bagi isteri (mertua).
- b) Anak tiri, apabila sudah bersetubuh dengan ibunya.
- c) Isteri anak (menantu perempuan).
- d) Isteri bapa (ibu tiri).
- e) Saudara perempuan atau anak saudara bagi isteri selama ia tidak menceraikan isterinya itu terlebih dahulu.⁸

⁶ Al-Quran, IV: 22, 23.

⁷ Ibid., IV:23.

⁸ Ibid., 22, 23.

Selain dari larangan perkahwinan yang disebutkan di atas terdapat pula larangan yang berbentuk sementara, iaitu:

- a) Perempuan yang berada dalam status perkahwinan.
- b) Perempuan dalam eddah talak tiga.
- c) Mereka yang dalam keadaan ihram.
- d) Kerana hendak mengumpul dua perempuan bersaudara.
- e) Kerana bukan Islam. Larangan ini terdapat dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 221 ditujukan kepada umum, iaitu lelaki dan perempuan Islam dilarang kahwin dengan perempuan dan lelaki yang bukan Islam.

Walaupun hukum syarak ini diambil kira dalam pemilihan jodoh, namun ianya adalah di luar tanggungjawab Suapak jika terdapat pelanggaran ke atasnya. Malah ianya adalah di bawah kuasa pihak Kadi untuk menjalankan tindakan dan balasannya tertakluk kepada ketentuan Allah Yang Maha Kuasa.

2) Hukum Adat.

Larangan perkahwinan mengikut hukum Adat terdiri kepada tiga;

- 1) Dilarang berkahwin dalam suku yang sama.
- 2) Berkahwin semula dengan perempuan lain dalam suku isterinya yang telah diceraikan (jarang diterima).

3) Perkahwin dua dalam satu suku.⁹

Ketiga larangan di atas, sangat dipertahankan oleh masyarakat Adat Perpatih. Buapak bertanggungjawab di atas pelanggaran hukum adat ini. Perkahwinan eksogami adalah pengukuh hidup bersuku, kerana eksogami merupakan dasar hidupnya sesuatu suku itu. Suku akan menghadapi keruntuhan bila syarat eksogami dilunakkan, apalagi dihapuskan. Penulis mengatakan demikian, berdasarkan kepada suasana yang terdapat dalam masyarakat bersuku di daerah ini. Pertama, dilihat dari segi pergaulan antara lelaki perempuan dalam sesuatu suku itu. Kaum lelaki melihat kaum perempuan dalam sukunya sebagai saudara dan perlu dilindungi. Kedua, eksogami adalah berfungsi bagi mengeratkan perhubungan antara suku. Ini dapat dilihat dalam sistem perkahwinan yang bersifat semenda menyemenda, iaitu lelaki itu menjadi Orang Semenda dalam suku isterinya dan di dalam sukunya sendiri ia dikenali sebagai Orang Tempat Semenda. Dari keadaan itu, bermakna dalam suku isterinya tentu terdapat ramai Orang Semenda, dan mereka ini datang dari berbagai suku. Jadi dengan sendirinya wujud perhubungan antara suku.

Di samping itu, eksogami juga mengujudkan hubungan sosial yang menyeluruh. Misalnya dalam sesuatu kenduri, biasanya Orang Semenda turut membantu kerja-kerja yang harus dibuat. Orang Semenda

⁹ Keterangan oleh En Abd. Rauf bin Nahu.

ini sebenarnya adalah juga Orang Tempat Semenda di tempatnya sendiri, dan mempunyai anak buah. Jadi sebagai tanda hormat kepada bapa saudara, biasanya anak-anak buah ini datang membantu kerja-kerja di tempat kediaman bapa saudaranya itu dengan maksud menolong bapa saudara mereka dan bukan tuan rumah. Dari suasana yang dinyatakan itu, dapatlah dilihat betapa eratnya kumpulan masyarakat yang mengamalkan sistem hidup bersuku ini. Maka sebab itulah amalan ini dipertahankan dan perkahwinan dalam suku yang sama dilarang.

Dalam masyarakat Adat Perpatih dahulu iaitu sebelum menerima banyak pengaruh seperti sekarang, risik yang dijalankan adalah berdasarkan perkara-perkara yang tidak menyalahi hukum syarak dan hukum Adat. Perkahwinan dalam satu suku yang sama tidak pernah berlaku jika pemilihan jodoh dijalankan secara demikian. Menurut pengangan mereka bahawa sesuatu perkahwinan diibaratkan seperti: Labu ke labu, kundur ke kundur. Bukannya Labu ke kundur dan kundur ke labu.¹⁰

Tetapi dengan perjalanan masa dan kemajuan serta perubahan sosial masyarakat sekarang, berbagai pengaruh telah diterima oleh masyarakat Melayu di negara ini amnya dan di Negeri Sembilan khasnya. Anak-anak muda bebas bergaul dan keluar dari rumah kerana menuntut, bekerja dan sebagainya di negeri atau di daerah lain.

Dalam keadaan demikian maka di antara lelaki dan perempuan ini sering mencari jodoh sendiri iaitu dengan berkenalan dan bercinta sesama mereka terlebih dahulu, tanpa memberitahu kepada keluarga. Tetapi setelah perkenalan mereka semakin rapat maka perkara itu diberitahu kepada keluarga. Pihak keluarga biasanya cuba bertanya dari mana asalnya. Kemudian, jika dari Negeri Sembilan maka suatu yang mustahak diketahui ialah tentang Suku dan Lembaganya. Di sinilah kadang-kadang kedapatan bahawa si gadis yang menjadi pilihan itu adalah dari suku yang sama.¹¹ Bagi ibubapa yang kuat memegang Adat maka hal ini tidak akan mendapat restu kedua ibu bapa. Tetapi buat masa sekarang sering terjadi ibu bapa turut merestui perkahwinan ini. Ini dapat dilihat dalam kejadian kahwin sama suku yang berlaku di kawasan kajian. Hal ini berlaku pada tahun 1977, di mana perkahwinan telah dijalankan.

Perkahwinan itu ialah di antara Zainal Abidin bin Hj. Latif dengan Salmiah Bte Hj. Abdullah.¹² Apa yang menjadi persoalan dalam kes ini ialah keluarga pihak perempuan tidak memberitahu tentang perkahwinan itu kepada Buapak, yang sepatutnya mesti diberitahu. Walau bagaimanapun Buapak telah menerima berita itu dari aduan empat orang

¹¹ Kelompok sesuatu Suku itu tidak setempat, tetapi adalah juga terdapat di tempat lain. Misalnya Suku Seri Lemak Minangkabau di Sri Menanti terdapat juga Suku Seri Lemak Minangkabau ini di Kuala Pilah atau di Rembau dan lain-lain tempat. Ini adalah disebabkan perpindahan anggota Suku ini kerana meneroka tanah lain atau bekerja dan sebagainya.

¹² Keterangan ini diberikan oleh Encik Mohd. Nor bin Pilus, Buapak bagi Suku Seri Lemak Minangkabau, Perut Mertang.

dari 'perut' keluarga ini iaitu tiga orang terdiri dari waris pesaka dan seorang Orang Semenda.

Untuk mengesahkan berita ini Buapak telah menyiasat perkara yang sebenarnya dengan melantik Jawatankuasa Penyiasat. Ini adalah kerana seorang Buapak itu tidak boleh menerima berita angin tanpa bukti-bukti yang sah. Jawatankuasa Penyiasat adalah terdiri dari Orang Semenda, Orang Tempat Semenda dan waris pesaka.

Setelah didapati sah perkara ini berlaku, Buapak telah meminta Orang Semenda, Orang Tempat Semenda dan waris pesaka, berkumpul di sebuah rumah anggota 'perut' itu untuk mencari kata sepakat atau membuat perundingan terhadap tindakan keluarga yang telah melakukan pertunangan se-waris itu. Dalam istilah Adat perundingan ini dinamakan 'mencari adat'. Dalam perkumpulan ini, pihak yang terlibat juga mesti hadir dan diminta memberi keterangan yang sebenar. Akhirnya Buapak menasihatkan supaya pertunangan itu dibatalkan dan jangan diteruskan hingga berkahwin se-waris kerana hal itu belum pernah terjadi dalam Suku Seri Lemak Minangkabau di Kampung Bertang itu.

Tindakan seterusnya tidak akan diambil jika perkahwinan itu tidak diteruskan. Tetapi ternyata keluarga ini tidak mahu menurut nasihat Buapaknya kerana perkahwinan tetap dijalankan tanpa pengetahuan Buapak. Namun demikian akhirnya berita perkahwinan itu sampai juga kepada pengetahuan Buapak. Dengan itu sekali lagi segala anak buahnya dari Suku Seri Lemak Minangkabau dikumpulkan untuk 'mencari adat'.

Dalam majlis kali ini Lembaga dan Penghulu Iruk juga dijemput sama untuk merundingkan perkara itu.

Bukti yang sah telah diperolehi, iaitu sijil nikah yang didapati dari Pejabat Kadi daerah Port Dickson (tempat tinggal lelaki). Oleh itu dengan resminya, atas kebuletan muafakat anggota Suku Seri Lemak Minangkabau di Mertang itu, maka Buspak berserta Lembaga telah meminta semua ahli suku itu menurunkan tandatangan atau cap jari sebagai langkah yang diambil untuk mengeluarkan orang yang terlibat dalam hal perkahwinan sewaris ini. Orang yang dikeluarkan dari suku ini hanyalah orang yang terlibat. Tidak semestinya keluarga itu sahaja. Jika ada keluarga lain yang menyokong atau membantu hal itu, maka ia juga diambil tindakan. Ibarat tobu;

Kalam satu ruas busuk, satu ruas dibuangkan
Kalam empat ruas busuk, empat ruas dibuangkan.

Dengan terpecatnya keluarga ini dari sukunya maka bermakna juga hilang hak mewarisi harta pusaka dan lain-lain hak dalam masyarakatnya. Anggota suku yang enggan mematuhi undang-undang adat akan mendapat tindakan dari masyarakat Adat Perpatih seperti di bawah:

...orang yang berkahwin sesuku akan dipulaukan oleh keluarganya dari semua upacara yang memerlukan mereka. Biasanya yang perempuan tidak diberi tanah pusaka. Ia dan suaminya tidak dibenarkan menjejak tanah pusaka suaminya. Kenduri kendaranya tidak dipedulikan. Mereka tidak ada status, tidak ada

kedudukan orang yang terbangun dalam masyarakat Adat Perpatih.¹³

Berhubung dengan hal ini, apa yang dipraktikkan sekarang; hukuman yang disebutkan oleh Dr. Nordin Selat itu dijalankan, kecuali dua daripadanya iaitu atas rasa perikemanusiaan pasangan suami isteri yang tidak dibenarkan menjejak tanah pusaka 'perut' itu buat masa sekarang telah dibenarkan. Begitu juga dari segi kenduri kendaranya, mereka tetap dibantu walaupun tidak sepenuhnya, kerana ada golongan yang tetap berpegang kepada hukum adat.

Menurut pandangan adat perbuatan melanggar adat begini adalah:

Derhaka derhaki,
Hidup tak terpelihara,
Mati tak ditanamkan.¹⁴

Orang yang sudah tidak mahu hidup mengikut Adat Perpatih ini tidak dipandang bernilai bagi masyarakatnya:

Tunggu tidak ada untung
Pergipun tidak rugi.

Jadi bagi mereka yang kahwin sesuku, seolah mereka mesti mempunyai dua syarat. Pertama baik kedudukan ekonomi supaya boleh

¹³ Nordin Selat, op.cit., hal. 124.

¹⁴ Keterangan oleh Mohd. Nor bin Pilus.

hidup tanpa bekalan tanah pusaka dan kedua mereka boleh hidup dua laki bini sahaja tanpa pertolongan keluarga.

Tanggung jawab menentukan tanah yang terlibat adalah tugas Lembaga. Lembaga membuat surat sebanyak tiga salinan berkenaan perkahwinan sesuku itu serta menyatakan nombor lot tanah yang diduduki oleh mereka yang terlibat. Tiga salinan surat itu diserahkan kepada mereka

- 1) Penghulu Inak
- 2) Pegawai Daerah.
- 3) Penyelia Adat.¹⁵

Dalam kes yang terjadi di kawasan kajian ini, sebanyak empat geran dari pihak perempuan dan empat geran dari pihak lelaki telah terlibat. Buapak dan Lembaga boleh menerima kedua pasangan yang berkahwin sesuku ini ke dalam sukunya andai keduanya menyesali perbuatannya, serta mendapat persetujuan ahli suku yang lain. Buapak berpegang kepada kata perbillangan yang berbunyi:

Tak ada takbur yang tidak boleh taubat
 Tak ada salah yang tidak boleh ditimbang
 Tak ada hutang yang tidak boleh dibayar.

Takbur: taubat dengan Tuhan
 Salah; timbang dengan Adat
 Hutang Adat dibayar dengan Adat
 Salah sama manusia. minta maaf dengan manusia.¹⁶

15 Ibid.

16 Ibid.

Jadi kebenaran untuk diterima balik itu adalah dengan syarat mesti 'bertimbang salah' dengan semua ahli waris iaitu dengan menyediakan seekor kerbau, satu pasungan kayu api, 50 gantang beras dan duit sebanyak \$14.50, beserta sirih pinang. Tujuan denda yang dikenakan ini adalah untuk menjamu semua ahli waris dengan alat yang disyaratkan itu.¹⁷

Mengenai perkahwinan seorang lelaki dengan perempuan sesuku dengan isteri yang telah diceraikan juga tidak digalakkan. Jika berlaku juga maka terpaksa juga Buapak mengadakan permuafakatan dan biasanya Buapak akan mengenakan denda dengan membayar \$7.20. Perkahwinan begini akan menjadi buah mulut orang.¹⁸

Seorang lelaki tidak boleh berkahwin dua atau tiga dan empat setakat yang dibenarkan oleh syarak dalam satu suku. Kalau hendak berkahwin lebih dari satu, maka terpaksa cari dari suku-suku lain. Berkahwin tiga misalnya, dalam Adat Perpatih bermakna lelaki itu menjadi orang semenda kepada tiga buah suku. Ini merupakan obligasi yang banyak. Pada masa dahulu perkahwinan begini jika berlaku, seseorang itu hendaklah membayar sebahara emas kepada Undang atau Penghulu isteri keduanya itu.¹⁹ Setakat ini di kawasan kajian ini belum pernah berlaku.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Keterangan oleh Encik Abdul Rauf Bin Nemu.

¹⁹ Nordin Selat, po.cit., hal. 126.

Di samping larangan perkahwinan yang telah dibicarakan itu, risik yang dijalankan adalah juga berdasarkan kepada sifat-sifat peribadi si gadis yang dipilih. Baik dari segi sopan santunnya, kerajinannya, ugamanya, hartanya, keturunannya dan beberapa aspek lain yang difikirkan perlu dalam penilaian keluarga lelaki itu. Setelah dapat persetujuan dalam segala segi itu maka baharulah dijalankan peminangan.

Jadi sebagai kesimpulan, dalam pemilihan jodoh ini pada dasarnya tidak ada peranan Buapak secara langsung. Tetapi jika timbul kekusutan atau masalah seperti berkahwin dalam suku yang sama atau lain-lain hal yang melanggar Adat maka Buapak adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikannya. Di situlah baru terdapat peranan Buapak dalam pemilihan jodoh ini. Begitu juga sedikit peranan Lembaga.

2.2. Pertunangan,

Mengikut aturan biasa, perkahwinan itu dimulakan dengan upacara merisik dan seterusnya dihantar cincin tanya, jika didapati tidak ada halangan. Cincin tanya mesti dipulangkan dalam masa tiga hari jika peminangan itu tidak diterima. Jika diterima maka cincin itu ditunjukkan kepada saudara-saudara lain dengan tujuan meminta persetujuan dari saudara mara lain juga (biasanya saudara mara yang dekat atau dalam istilah di sini ialah waris yang kedim).

Tak oro sekata cincin dibalikken
Oro sekata janji dilikat.²⁰

2.2.a. Nominang.

Setelah mendapat persetujuan yang cincin itu diterima, maka ditetapkan hari bila pihak lelaki akan menghantar cincin pertunangan. Di hari menghantar cincin atau menghantar tanda itu cincin diletakkan dalam telam yang diisi dengan bunga rampai. Dua atau tiga Orang Senenda yang telah dipilih oleh Ruapak menjadi utusan membawa cincin ke rumah pihak perempuan. Mereka juga diiringi oleh beberapa orang lagi yang sudi hendak pergi.

Sementara itu di rumah pihak perempuan sudah sedia Ruapak dan saudara mara menanti utusan membawa cincin. Peranan Ruapak yang hadir sama dalam upacara ini adalah sebagai penerima cincin yang di hantar oleh pihak lelaki. Ruapak yang dimaksudkan di sini ialah Ruapak bagi pihak perempuan. Utusan pihak lelaki yang membawa cincin akan menghadap Ruapak sambil mengatakan hajat kedatangannya, iaitu Orang Senenda sebagai wakil pihak lelaki menghantar cincin tanda, meminang anak buah Datuk. Pada masa dahulu penyerahan cincin ini disampaikan dengan kata perbandingan yang indah. Tetapi sekarang segalanya berjalan dengan ringkas dan tepat akan tujuan kedatangannya itu.

Ruapak yang menerima cincin itu akan memeriksa cincin yang dibawa. Ada beberapa syarat tentang cincin yang dihantar

²⁰ Keterangan oleh Encik Abdul Rauf bin Nahu.

ini.²¹ Pertamanya ialah cincin hendaklah diperbuat daripada emas semuanya, iaitu tidak dibenarkan cincin yang bertatahkan permata. Buapak berhak menolak cincin yang dihantar itu andainya cincin itu bertatahkan permata. Keduanya ialah jumlah cincin yang dibawa. Terdapat perbezaan jumlah cincin dalam suku-suku yang terdapat di sini. Misalnya bagi suku Seri Lemak Pahang cincinnya mestilah dua bentuk. Bagi suku lain hanya satu bentuk sahaja yang diperlukan. Jika anak kepada ketua adat yang bertunang, cincinnya juga dua bentuk. Dalam hal ini juga Buapak berhak menolak cincin yang dibawa itu andainya tidak menurut syarat yang telah ujud sejak dahulu lagi.

Jika segala syarat dituruti, Buapak pun menerima cincin itu. Dengan itu resmiah peminangan itu atau bagi Buapak itu maklumlah ia dengan resminya yang anak buahnya telah dipinang. Setelah selesai penerimaan cincin, maka dibuatlah janji dalam erti kata; 'janji dibuat dimuliakan, dalam janji digedohkan, sampai janji ditepati. Perjanjian itu ialah bilakah akan diadakan kenduri kahwin, berapa bulan atau berapa tahun janji dan cepat atau lambat, semuanya dibincangkan. Biasanya untuk menetapkan hari pertikahan itu ditentukan oleh pihak perempuan. Mengikut kata perbilangan:

²¹ Keterangan oleh Encik Ahmad bin Taib, Buapak bagi suku Seri Lemak Pahang, Perut Galau/Merual.

Orang meminang tanda bawani,
Berani surut, berani cepat atau lambat,
Berani bolak atau tak bolak.²²

Dalam masa pertunangan jika lelaki membuat 'holah' tanpa sebarang alasan, segala barang hantaran dan cincin tanda tidak akan di dibalikkan kepada pihak lelaki. Tetapi sebaliknya jika pihak perempuan yang membuat holah maka haruslah diberitahu kepada Buapak. Buapak kemudian bertanggung jawab menyelesaikan perkara ini dengan menyuruh Orang Semaunda pihak perempuan memulangkan cincin kepada pihak lelaki dengan menggendakan jumlahnya. Kalau satu bentuk, dua bentuk dipulangkan, kalau dua bentuk, empat bentuk mesti dipulangkan kembali.²³

2.2.b. Mengsembang Cincin.

Peranan Buapak bukanlah berakhir setakat hari 'menghantar tanda' itu sahaja tetapi ada lagi perannya dalam hal bertunang ini. Sekali lagi yaitu dalam masa satu bulan lagi akan diadakan kenduri kahwin diadakan pula istiadat 'mengsembang cincin'. Buapak dijemput²⁴ dalam upacara ini. Saat masa sekarang biasanya kadang-kadang istiadat 'mengsembang cincin' diadakan pada hari 'berkampung'. Tetapi acara mengsembang cincin dijalankan terdahulu daripada acara 'berkampung'.

²² Koterangan oleh En. Abdul Rauf Bin Halm. Berolek artinya kenduri secara besar-besaran.

²³ Koterangan oleh En. Ahmad Taib.

²⁴ Buapak dijemput dengan membawa topak sirih atau 'Dajam'.

Pada masa 'mengembang cincin' ini semua Orang Tempat Semenda, Orang Semenda, waris pesoko dan orang dekat rumah, dekat kampung dipanggil berkumpul di rumahnya. Setelah berkumpul semuanya maka salah seorang Orang Semenda yang tua (wakil Orang Semenda) mengambil cincin peminangan itu dan menyerahkan kepada Buapak. Buapak melihat dan meneliti sekali lagi cincin itu. Selepas itu cincin itu diedarkan kepada semua yang hadir dan masing-masing mengeluarkan pendapat tentang bakal menantu. Bagi waris yang kediri sebagai penentu samada menerima atau tidak, masih ada lagi peluang untuk membantah pertunangan itu jika didapati ada cacat celanya atau perkara yang tidak diperseetujui. Ketua dalam rundingan ini ialah Buapak atau wakilnya atau bapa saudara yang tertua.

Jika tidak ada bantahan, dan persetujuan dicapai maka Buapak sekali lagi memainkan peranan sebagai ketua dalam rundingan tentang mengatur kerja di hari perkahwinan nanti. Permuafakatan perlu dalam masa ini. Acara inilah dikatakan acara 'berkampung'. Sebab itulah acara berkampung dijalankan kemudian daripada 'mengembang cincin' ini. Iaitu setelah segala persetujuan didapati.

2.3. PERKAHWINAN

Dalam istiadat perkahwinan ini Buapak mempunyai peranan secara langsung. Istiadat perkahwinan ini bukanlah tanggung jawab tuan rumah sahaja mengadakan segala persiapan. Tetapi waris yang lain juga adalah

turut sama menyumbangkan bantuan samada dalam bentuk material maupun tenaga. Untuk tujuan itu diadakan satu malam untuk bermuafakat untuk menjalankan atau mengatur kerja dalam membuat persiapan di hari perkahwinan itu nanti.

2.3.a. Berkampung.

Jika 'mengembang cincin' diadakan pada masa yang berlainan dari masa 'berkampung', biasanya malam 'berkampung' diadakan seminggu sebelum menjelangnya hari perkahwinan. Pada malam itu setelah semuanya hadir, Buapak menyuruh Orang Semenda bertanya kepada tuan rumah tentang beberapa perkara yang harus dibuat. Antara lain ialah berapa besar kenduri akan diadakan, apa yang akan dibuat lauk; menyembelih kambing atau kerbau, bila akan dipanggil orang jemputan atau tetamu, adakah membuat dodol atau tidak (kerana masa sekarang kebanyakan pasangan lelaki dan perempuan bekerja dan tidak dapat cuti lama, kadang-kadang istiadat menyembah dibatalkan sahaja. Jadi tidak payahlah membuat dodol yang dinamakan 'boko'). Ditanyakan juga setakatmana orang yang akan dijemput; 'sisik palepah' (menjemput ramai orang) atau 'tuju-tuju tangkai' (menjemput orang-orang tertentu sahaja terutama saudara mara), kalau ada acara lain pada malam atau pagi dihari perkahwinan diminta kepastian juga, misalnya tuan rumah hendak membuat istiadat berendui atau berkhitan dan sebagainya yang biasa dibuat pada masa itu.

Setelah semuanya diberitahu kepada Orang Semenda maka, segala yang dimaklumkan itu disembahkan kepada Buapak. Buapak kemudian mengistiharkan segala apa yang disampaikan kepadanya oleh Orang Semenda tadi. Kemudian Buapak mulalah mengatur kerja anak buahnya dengan mengarahkan siapa orang yang akan pergi menjemput tetami, kawasan mana yang harus pergi menjemput dan Buapak juga mengarahkan supaya dijemput Lembaga aga bagi suku tuan rumah dan juga Lembaga dari suku lain serta Buapak-Buapak dari suku lain juga.²⁵ Tanggung jawab menjemput tamu ini biasanya diserahkan kepada kaum ibu. Buapak juga memilih siapa orang yang akan mengangkat air dari perigi, siapa yang akan menyembelih binatang yang akan dibuat lauk, Ditentukan juga oleh Buapak bila akan mendirikan khemah atau balai dan Buapak menyuruh anak buah yang lelaki terutama Orang Semenda datang membuat khemah itu, tiga atau dua hari sebelum menjelangnya hari kenduri. Akhir sekali Buapak menyeru kepada anak buah nya supaya datang kerumah tuan rumah yang akan mengadakan kenduri kahwin itu dalam masa seminggu sebelum menjelang kenduri itu. Iaitu supaya menolong apa-apa yang patut dibuat dan Buapak juga mengingatkan supaya jangan datang dengan 'tangan kosong' sahaja. Segala pembahagian kerja ini dibuat secara mufakat. Tidak ada paksaan jika orang yang ditentukan itu tidak sanggup menjalankan tugas yang dipertanggung jawabkan. Tetapi biasanya, tugas yang diberikan di terima,

²⁵ Ibid.

jika tidak ada hal yang mustahak.

Jelas di sini peranan Buapak begitu penting dalam hal mengatur kerja untuk persiapan di hari kenduri itu. Segala arahan dan nasihat Buapak dipatuhi oleh anak buah. Dengan adanya peraturan kerja yang demikian, terdapatlah pembahagian kerja yang menyeluruh dan ini meringankan beban tuan rumah. Ini adalah kerana masyarakat Adat Perpatih memang sentiasa hidup dalam permufakatan dan Buapak menjadi ketua dalam hal perkahwinan itu.

2.3.b. Kenduri Kahwin.

Seperti juga masyarakat Melayu yang lain, istiadat perkahwinan dipenuhi dengan beberapa upacara, seperti malam berinai, bersanding, menyembah dan lain-lain lagi mengikut keadaan keluarga itu.

Pada masa kenduri kahwin, jika Lembaga dan Buapak hadir, alat kebesarannya mestilah dipenuhi. Ini adalah melambangkan statusnya sebagai ketua Adat. Kerana antara peranan dan status tidak dapat dipisahkan. Di antara alat kebesaran itu ialah tilam bujur atau tilam pandak, bantal bersusun, tabir terpasang, langit-langit terbentang, tiker berompok dan tudung peminangan (tepak sirih). Di samping itu pinggan mangkuk digunakan untuk hidangan mestilah dari jenis dan warna yang serupa, serta baik keadaannya, tidak sumbing, tidak retak dan tidak kotor. Tiap-tiap hidangan mestilah sama, tidak lebih, tidak kurang. Masakan kepala kambing (jika menyembelih kambing) mestilah dipersembahkan kepada Lembaga atau Buapak yang hadir. Kepala Kambing ini mestilah dililit dengan

perut kambing itu supaya mulutnya tidak ternganga. Buapaklah yang mula-mula menjamah kepala kambing itu, kemudian barulah dimulurkan kepada orang lain.²⁶

Sebelum makan, Buapak atau Lembaga akan memerhatikan tiap-tiap kedudukan hidangan supaya tidak ada bahan-bahan yang berkurangan atau berlainan. Kemudian dia akan membuka tudung hidangan itu. Jika didapati berlainan atau berkurangan ataupun tersalah cara, ia akan menutup hidangan itu, menandakan yang ia telah tersinggung. Bila berlaku demikian Orang Tempat Semenda hendaklah membawa tepak sirih meminta maaf.²⁷

Setelah membicarakan alat kebesaran Ketua Adat serta penghormatan yang perlu disediakan pada hari kenduri itu,²⁸ perbincangan kita berbalik semula kepada peranan Buapak seterusnya di hari kenduri ini. Perlu diingat bahawa Buapak beserta isterinya tidaklah boleh disuruh arah atau membuat kerja di hari kenduri ini. Malah Buapak adalah bertanggung jawab mengarah anak buahnya membuat apa-apa yang patut.

Pada malam berinai, Buapak memilih dua Orang Semenda untuk pergi menjemput pengantin lelaki dan rombongannya. Kemudian berangkatlah pengantin lelaki dan rombongannya ke rumah pengantin perempuan

²⁶ Nordin Selat, op.cit., hal. 163.

²⁷ Ibid., hal. 163.

²⁸ Selain dari kenduri kahwin, kenduri lain juga perlu dibuat begini.

dengan membawa bersama barang-barang hantaran yang digubah dengan berbagai bentuk yang terdiri dari kasut, baju, alat solek dan buah-buahan dan kuih atau bermacam-macam lagi. (Barang-barang ini tidak perlu dibawa jika semasa bertunang telah dibawa). Setelah itu pengantin lelaki dipersilakan ke hujung serambi untuk 'mengisi adat' dan melakukan akad nikah. Dalam hal ini peranan Buapak adalah menerima bayaran adat pusaka, sementara akad nikah dijalankan oleh Imam atau Tuan Kadhi. Untuk 'mengisi adat' ini haruslah ada Buapak dan pengantin lelaki sama-sama berdepan. Tidak bolehlah istiadat ini dijalankan tanpa pengantin lelaki atau tanpa Buapak. Kalau dibuat begini Buapak mungkin tersinggung kerana dia sebagai Ketua Adat telah diketepikan.²⁹ Tetapi bagi masyarakat kini yang sudah agak longgar pengetahuannya tentang hal-hal ini, pernah juga berlaku perkara yang tidak dibenarkan ini di kawasan kajian ini. Mengikut perbilangan Adat untuk 'mengisi adat' ini pegangan Buapak ialah:

Terupa tertampam
Kata bersaksi
Rupa berketerangan.

Setelah 'mengisi adat', barulah Buapak menyuruh upacara akad nikah dijalankan. Telah ditetapkan sekarang, bahawa bayaran

²⁹ Keterangan oleh Encik Ahmad Bin Taib.

adat pusaka ialah sebanyak \$20.00 (tuntutan adat) dan mas kahwin ialah \$48.00.³⁰

Upacara berinai dijalankan setelah akad nikah dilakukan. Untuk menginaikan pengantin, penghormatan diberikan kepada Lembaga dan Buapak bagi suku tuan rumah untuk memulakannya. Kemudian barulah dipersilakan pula Lembaga dan Buapak dari suku lain yang hadir sebagai tetamu. Aldir sekali barulah diserahkan kepada saudara mara dan sahabat handai untuk menginaikan kedua mempelai itu.

Di hari siangya pula atau hari berlangsungnya perkahwinan, Buapak tidaklah boleh duduk bersila di hujung serambi sahaja. Tetapi ia patut memerhati kerja-kerja anak buah supaya berjalan lancar. Jika ada kerja yang patut disuruh, ia mengarah anak buahnya yang sedia bekerja. Selain dari itu sepanjang kenduri itu Buapak mempersilakan tetamu mengambil tempat.

Pendek kata sepanjang berlangsungnya hari perkahwinan itu Buapak mestilah bersama anak buahnya dari awal membuat kerja hinggalah berakhir kerja-kerja iaitu hingga kepetang; setelah berlangsung kenduri itu. Walau bagaimanapun buat masa sekarang pada pemerhatian penulis keadaan ini tidak begitu dipraktikkan lagi. Kadang-kadang seorang Buapak

itu pulang lebih awal. Ini mungkin disebabkan ia mempunyai banyak tugas yang perlu diselesaikan. Bila selesai kenduri, Buapak akan pulang dengan dibekalkan pulut kuning, telur dan lauk-pauk.

2.3.c. Istiadat menyembah.

Setelah selesai segala upacara di hari perkahwinan itu, satu istiadat lagi ialah 'menyembah'. Dalam hal ini kedua mempelai selain dari dikehendaki pergi kerumah saudara mara yang kediri bagi kedua belah pihak, mereka juga mesti pergi ke rumah Lembaga dan Buapak. Ini bertujuan untuk memperkenalkan suami anak buahnya atau Orang Semenda (anggota baru) bagi suku si perempuan itu. Begitu juga pihak lelaki. Mereka datang dengan ditemani oleh dua atau tiga orang saudara lain dengan membawa 'boko', sebagai buah tangan. 'Boko' juga dibawa ke rumah saudara kediri yang lain.

2.3.d. Nikah kahwin aturan tak lazim.

Ada tiga jenis perkahwinan yang dikatakan tidak lazim, ia itu;

- 1) Nikah Terkurung.
- 2) Merumah.
- 3) Menyerah.

'Nikah terkurung' berlaku bila didapati lelaki dan perempuan melakukan sumbang, iaitu bersekedudukan di dalam rumah. Bila berlaku demikian, yang terlibat terpaksa dikahwinkan. Berita keduanya telah

tersebut itu diberitahu kepada Ruapak dan Lembaga kedua-dua pihak. Di sini peranan Ruapak ialah sebagai juru-runding bagi kedua belah pihak untuk mencari penyelesaian. Setelah mendapat penyelesaian, pihak lelaki membayar 'adat sesalahan' kepada Ruapak pihak perempuan. Adat sesalahan yang dikenakan itu digandakan dari bayaran Adat biasa. 'Wang Adat' itu dibahagi-bahagikan antara kedua peranan dengan Ruapak dan Lembaga. Masa duli pembayaran dibuat dengan kain.³¹

'Morunah' adalah dilakukan oleh lelaki yang berhajat kepada seorang perempuan tetapi pihak perempuan tidak setuju. Lelaki itu naik ke atas rumah orang perempuan dan memegang tangan gadis yang dikehendakinya. Bila ini berlaku ibu bapa si gadis menyuruh Orang Semenda memberitahu Ruapak untuk mencari penyelesaian. Lelaki itu tidak akan melepaskan tangan gadis selagi keputusan untuk mengahinkannya tidak dicapai. Di sini peranan Ruapak dalam menyelesaikan amat penting supaya tidak berlaku akibat buruk. Bagi ibu bapa perempuan itu selalunya terpaksa mengadakan perkahwinan. Kalau tidak ia akan berasa malu. Dalam peristilahan disebutkan; orang morunah, hati berani, senjata tajam, mulut kasar, emas banyak.³²

'Monyarah' pula berlaku bila seorang lelaki bersama dua atau tiga orang semenda datang ke rumah seorang perempuan yang dikehendaki-

³¹ Keterangan oleh Encik Abdul Rauf Bin Naim.

³² Ibid.

nya. Kedatangannya disambut seperti tetamu biasa. Kemudian wakil pihak lelaki menyatakan hajat kedatangannya. Pihak lelaki ini datang menyerahkan dirinya untuk berkahwin dengan gadis yang dihajatnya. Ibu bapa gadis itu tidaklah memberi keputusan waktu itu juga tetapi mengambil masa untuk berunding.³³ Si lelaki mestilah berdegil, boleh jadi sehari-hari sampai rundingan selesai dan pihak perempuan menormakannya. Maknanya selama di rumah perempuan itu dihantar oleh saudaranya, kerana lelaki itu tidak boleh meninggalkan gadis itu, Buapak bertanggung jawab menyelesaikan hal ini sehingga keduanya dapat dikahwinkan. Dalam pertilangan disebut; "orang penyerah adat berkata, diturunkan boleh, diterima boleh".

Jadi dalam nikah kahwin tak lazim ini peranan Buapak penting untuk menyelesaikan kekusutan yang timbul di kalangan anak buahnya. Pada Buapaklah tempat anak buah mengadu jika hal seperti itu berlaku. Buapak haruslah menjadi juru perunding tanpa berat sebelah dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan anak buahnya. Jika Buapak tidak dapat menyelesaikan masalah itu, Buapak mengadu pula kepada Lembaga dan seterusnya kepada Penghulu jika tidak juga tercapai penyelesaian. Walau bagaimanapun pada hari ini, pihak polis turut mengambil peranan dalam menyelesaikan perbalahan ini disamping ketua adat.

³³ Jamaludin Bin Abdullah, 'Adat Menyerah', Mestika, Januari, 1958, hal. 16.

Sebagai kesimpulan, dalam istiadat perkahwinan ini peranan Bapak dapat dilihat dari dua segi. Pertamanya peranan secara tidak langsung dan keduanya secara langsung, seperti di hari kenduri kahwin. Peranan tidak langsung yang dimaksudkan ialah jika ada berlaku kesukutan atau masalah yang timbul di kalangan anak buahnya, maka peranan Bapak perlu untuk membuat penyelesaian. Peranan secara langsung pula ialah dalam hal perjalanan istiadat perkahwinan, Bapak bertanggung jawab sebagai ketua dalam perundingan dengan anak buah, mengatur kerja anak buah dan lain-lain. Menjatuhkan hukuman atau menyuruh anak buah dalam sesuatu hal adalah juga peranan Bapak dalam hal istiadat perkahwinan ini.

LAMPIRAN 1Senarai Nama Informan.

1) Nama : Ahmad Bin Taib

Alamat : Kampung Galau,
Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Pemandu Teksi.

Jawatan : Buapak bagi suku Sri Lemak Pahang, Perut Kampung
Merual/Tanjung Galau.

Gelaran : Datuk Maharaja Kanda.

2) Nama : Hj. Abdul Rauf Bin Nahu

Alamat : Kampung Sungai Layang,
Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Lembaga bagi suku Batu Hampar
Orang Empat Istana, di Istana Besar Sri Menanti.

Gelaran : Datuk Sri Amar Diraja.

3) Nama : Abdul Ghani Bin Shamarudin

Alamat : Bahagian Buku Pelajaran,
Cawangan Sains, Tingkat 5,
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela.

4) Nama : Hj. Mohamad Nor Bin A. Hamid

Alamat : Pejabat Tanah,

Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Penolong Pemungut Hasil Tanah.

5) Nama : Mohd. Nor Bin Pilus

Alamat : Kampung Sekolah Gunung Pasir,

Sri Menanti, Negeri Sembilan.

Pekerjaan : Kerja Kampung.

Jawatan : Buapak bagi suku Sri Lemak Minangkabau,

Perut Kampung Mertang.

Gelaran : Datuk Setia Muda.

6) Nama : Osman Bin Baginda

Alamat : Balai Undang Jelebu.

Kuala Klawang, Jelebu,

Negeri Sembilan.

Jawatan : Lembaga Tiang Balai.

Gelaran : Datuk Niko Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari.

LAMPIRAN II

Laporan Perikahinan Sewaris Suku Seri Lemak Minangkabau,
Kampung Mertang Antara Zainal Abidin Bin Hj. Latiff (Lelaki)
Dengan Sainih Bte Hj. Abdullah (Perempuan) Pada Hari Ahad
5hb. Jun. 1977.

Pada hari Khamis jam 9.30 malam tiga orang Waris Pusaka dan seorang Orang Siemenda iaitu: Endan bte Kassia, Bodah, Awi dan Md. Rus bin Masir telah datang menemui Buapak Suku Seri Lemak Minangkabau, Mertang Datok Setia Mada Md. Nor; di rumahnya di Kampung Sekolah Gunung Pasir.

Mereka telah memberitahu bahawa satu 'Majlis Pertunangan' sewaris telah berlaku di rumah Ustaz Shamsuri bin Hj. Yusuh pada hari Ahad bersamaan 15hb. Mei 1977 kira-kira pukul 3.00 petang (pertunangan orang yang berkenaan di atas).

Mereka-mereka yang telah menghantar cincin pertunangan tersebut ialah:

1. Hajjah Nekmat (ibu si lelaki)
 2. Khalifah
 3. Zainal Abidin (yang berkenaan)
- serta 2 orang perempuan (orang Kelantan) lain.

Penerimaan Cincin:

1. Shamsuri & Salimah (tuan rumah)
2. Haji Abdullah & Hj. Enap (ibu-bapa si perempuan)

3. Saadiah & suaminya Aris Hj. Ismail.
4. Hajjah Halimah
5. Isa - empat semenda si perempuan yang paling
Kedin sekali. Isalah yang manerima cincin tersebut
bagi pihak perempuan.

Apabila mendengar berita tergegar Buapak Datok Setia Muda Md. Nor telah meminta Waris-Waris Pusaka, tempat semenda dan Orang Semenda perut yang berkenaan berkumpul untuk 'Mencari Adat' di rumah Indu bte Kassim pada hari Sabtu 21hb. Mei, 1977.

Perjumpaan 'Mencari Adat' tersebut telah diadakan pada tarikh dan hari tersebut dengan dihadiri oleh Waris-Waris pusaka, Orang Semenda dan tempat semenda antaranya:

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilus (Buapak)
2. Datok Setia Raja Pahlawan Maulud (Buapak Sulai Seri Lemak Minangkabau, Kemang Juar).

Lain-lain (Encik-encik & Cik):-

- | | |
|------------------|------------------------------|
| 3. Hj. Harun | 9. Ahmad Bidin |
| 4. Razak Shafie | 10. Md. Rus |
| 5. Md. Din Idris | 11. Ruslan Yahaya |
| 6. Ahmad Saad | 12. Yahya Jarid (tuan rumah) |
| 7. Bais | 13. Bayung |
| 8. Salleh Idris | 14. Yurus |

- | | |
|--------------------|-------------------------------|
| 15. Muhamad Shafie | 26. Khadijah |
| 16. Awi | 27. Zaibdah |
| 17. Khalifah | 28. Indun Kassim (tuan rumah) |
| 18. Noriah Saat | 29. Aminiyah |
| 19. Kamsiah Saat | 30. Rurah Yahaya |
| 20. Hafisah | 31. Rohani Yahaya |
| 21. Pisah Samak | 32. Salamah |
| 22. Jiibah | 33. Safiah Maasin |
| 23. Zainab | 34. Zaleha |
| 24. Terinah | |
| 25. Aminah | |

Perkara yang dibincangkan antara lain:

Buapak mahu kepastian sama ada penghantar cincin tersebut benar-benar berlaku. Wan Khalifah telah menerangkan satu persatu bahawa penghantaran cincin tersebut benar-benar berlaku. Katanya lagi orang yang menerima cincin tersebut ialah Isa bagi pihak si perempuan.

Akhirnya Buapak telah meminta semua yang hadir sedapat-dapatnya hendaklah memberi nasihat kepada dua belah pihak yang berkenaan supaya meneruskan pekerjaan tersebut kerana katanya salah dari segi adat. Katanya lagi tak pernah berlaku perkara begini dalam Suku Seri Lemak Minangkabau, Mertang.

Buapak telah meminta satu perjumpaan adat lagi diadakan pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977 di rumah Induk Awi, Ulu Mertang Jam 3.30 petang. Beliau telah melantik Encik Salleh Idris, Induk Pisah, dan Encik Md. Din Idris sebagai 'Monti' untuk mangumpulkan semua Waris pusaka, orang seadat dan seresam bagi perut yang berkenaan. Majlis bersurai jam 12.00 malam.

Perjumpaan Adat Kali Ke-2 di rumah Induk Awi pada hari Sabtu 28hb. Mei 1977.

Kehadiran (Encik-encik & Cik-cik):-

1. Datok Setia Muda Md. Nor bin Pilu (Buapak)
2. Shamsuri Hj. Yusoh.
3. Mohd. Salleh Saat.
4. Md. Din Idris.
5. Salleh Idris.
6. Ahmad Yahaya.
7. Hassan Takin.
8. Ahmad Shafie.
9. Abd. Razak Shafie.
10. Hj. Abdullah.
11. Md. Rus Masir.
12. Suleiman Ibrahim.
13. Shahid Hj. Abdullah.
14. Aris Hj. Ismail.

- | | |
|-----------------------|--------------------------|
| 15. Ismail Jadi | 31. Safiah Maasin |
| 16. Hj. Harun Samak | 32. Zaleha Hj. Shafie |
| 17. Md. Zin Lebar. | 33. Jaharah Saat |
| 18. Kadir Hamzah | 34. Selamah Idris |
| 19. Yahaya Janid | 35. Sebah Bakar |
| 20. Lebar Alin | 36. Asiah Hassan |
| 21. Hj. Salleh | 37. Hafshah Sihi |
| 22. Hamun Samak. | 38. Joibah Kuna |
| 23. Bedah Ush | 39. Zuyah Malik |
| 24. Indun Kassim | 40. Mariam Rintah |
| 25. Saami Kijing | 41. Asa Pilih |
| 26. Napiah Abdullah | 42. Saadiyah Ibrahim |
| 27. Md. Zain Lebar | 43. Saamah Bayung |
| 28. Khalifah Md. Zain | 44. Kertiah Saat |
| 29. Pisch Samak | 45. Selamah Hj. Abdullah |
| 30. Zainab Hj. Piliu | |

Buapak telah meminta Hj. Abdullah (bapa Si perempuan non- ceritakan corita sebenar betul atau tidak majlis pertunangan itu telah berlakunya. Hj. Abdullah telah menceritakan dari awal hingga akhiranya dan mengakui segala-galanya telah berlakunya.

Buapak merasa keciwa kerana orang-orang yang berkenaan bagi pihak lelaki tidak ada seorang pun yang datang sungguh pun sudah dua kali dijemput (Mereka tinggal di Langgeng).

*Buapak mengatakan bahawa dia merasa amat terbaru di atas kejadian tersebut, kerana katanya pertunangan tersebut adalah 'pertunangan Sewa ris' tambahan pula pihak lelaki dengan perempuan berasal dari 'Satu Perut'.

*Buapak menasihatkan perbuatan tersebut janganlah diteruskan kerana telah menyalahi adat. Jika dilakukan juga maka tindakan adat akan dikenakan kepada kedua-dua belah pihak yang berkenaan. Juga beliau mengingatkan semua anak buahnya jadikan contoh tauladan dan jadikan sempadan apa yang telah berlaku.

Majlis adat telah bersurai pada pukul 6.00 petang.

Melalui beberapa orang Waris pusaka Buapak telah mendapat tahu bahawa satu 'Majlis Pernikahan' telah dilangsungkan antara orang yang berkenaan iaitu Zainal Abidin bin Hj. Latif dengan Salamiah bte Hj. Abdullah iaitu pada hari Ahad 5hb. Jun, 1977 lalu. Jadi Buapak telah menyuruh semua anak buahnya di Mertang dan Orang Semenda berkumpul di rumah Induk Embun bin Samak pada hari Ahad bersamaan 19hb. Jun akan datang. Di samping mengumpulkan anak buahnya Buapak juga telah menjemput sama Lembaga Suku Seri Lemak Minangkabau iaitu Datok Seri Nara Di Raja dan Datok Penghulu Luak Muar.

Sekian.

SENARAI RUJUKAN(a) Buku-Buku:

Abdul Samad Bin Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1968.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia,
Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.

Al-Quran dan Terjemahan, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.

Abdul Rahman Haji Mohamed, Dasar-dasar Adat Perpatih,
Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

Banton, Michael., Role an Introduction To The Study of Social
Relation, London: Tavistock Publication, 1965.

Caldecott, A., 'Jelebu, Its History And Constitution',
Papers On Malay Subjects (2nd series), No. 1, FMS
Civil Service, Kuala Lumpur, 1912.

Gould and Kolb (ed), A Dictionary of Social Sciences, London:
Tavistock Publication, 1964.

Linton, Ralph., The Study of Man, London: Peter Over, 1936.

Nordin Bin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur:
Utusan Melayu Berhad, 1976.

Nasroen, M., Dasar Falsafat Adat Minangkabau, Djakarta: C.V.
Pasanan, 1957.

Theodorson, G.A., and Theodorson A.G., Modern Dictionary of
Sociology, New York: Thomas Y. Crowell Company, 1934.

Wilkinson, R.J., Papers On Malay Subject, Kuala Lumpur: Oxford
University Press, 1971.

Winstedt, R., The Malays A Cultural History, London: Routledge
& Keagan Poul lte. 1961.

Zainal Kling (ed), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan
Perubahan, Kuala Lumpur: Utusan Publication &
Distributor, 1977.

(b) Journal/Majalah:

Parr, C.W.C., & Mackray, W.H., 'Rembau, One of The Nine States, Its History, Constitution and Customs', JSEBRAS, Vol. 56, Part I, 1910.

Taylor, W.N., 'The Customary Law of Rembau', JMBRAS, Vol. VII 1929.

Ahmad Ibrahim, 'Islam Customary Law/Malaysia', Intisari, Vol. 11, No. 2, Singapura.

Lokman Bin Yusof, 'As Seen in Land Inheritance', Intisari, Vol. 1, No. 4, Singapura.

Jamaludin Bin Abdullah, 'Adat Menyerah', Mastika, Januari, 1956.

Zainal Abidin Bin Bakar, 'Kontroversi Di sekitar Perlantikan Undang Jelebu', Dewan Budaya, Jilid. 11, Bil. 5, Mei, 1960.

(c) Latihan Ilmiah:

Faraded Mohd. Dom, 'Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 78/79.

(d) Kertas Kerja:

Abdul Samad Bin Idris, 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

Azizah Et. Kasim, 'Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.

- Khoo Kay Kim, 'Sistem Politik Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.
- Nordin Selat, 'Pemimpin Dalam Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, (Stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.
- Shamsul Amri Bin Baharudin, 'Politik Adat Perpatih', Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih (stensilan), Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 10hb.-12hb. April, 1974.